

GEMPA SABAH: TRAUMA MENANTI GEMPA

Oleh *Jakaria Dasan*

Sehingga setakat artikel ini ditulis (13 Jun 2015), berlaku dua kejadian gempa yang sangat mengelirukan, menggusarkan dan menakutkan. "Mengelirukan" kerana hampir keseluruhan yang merasainya adalah pertamakali merasai gegaran gempa sebenar. Berdasarkan pengalaman rakan-rakan, pelbagai sangkaan di buat ketika gempa pertama berlaku. Seorang sahabat menyangkakan tangki rumahnya seperti mahu roboh. Ada juga yang menyangkakan ada tiang rumah yang akan patah. Seorang rakan dalam kenderaan berkata, ada orang melanggar belakang keretanya. Seorang pakcik yang sedang bekerja di kebun menceritakan sakit darah tingginya menyebabkan ia terasa seperti dunia bergegar. "Menakutkan" apabila realiti sebenar diketahui selepas itu. Sabah dilanda gempa dan pusatnya pula ialah Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara.

Gempa pertama berlaku pada 5 Jun 2015 dengan kekuatan magnitud 5.9 skala Richter pada sekitar anggaran masa di antara jam 7:11 dan jam 7:15 minit pagi. Ianya berlaku tatkala orang ramai sedang bersiap sedia ke tempat kerja. Bagi mereka yang masih berada di rumah, mereka akan lebih terkesan daripada mereka yang sedang berada dalam kenderaan ke tempat kerja. Kejadian kedua berlaku pada 13 Jun 2015 dengan 5.0 skala Richter pada sekitar anggaran masa jam 2:19 pagi dan 2:21 pagi. Gempa yang pertama berlaku lebih lama dari yang kedua. Gempa ini telah menyebabkan kematian kepada beberapa orang pendaki dan Malim Gunung. Orang ramai yang merasai gegaran gempa dilanda kebingungan dan sedikit sebanyak mula mengalami rasa trauma. Bagaimana pun tahap trauma yang dialami itu adalah bergantung kepada kesedihan yang melibatkan nyawa dan kedudukan lokasi seseorang ketika gempa melanda.

Secara keseluruhannya, orang ramai tidak menyangka kejadian sedemikian boleh berlaku. Gempa yang pertama memberi kesan yang sangat mendalam kepada mereka yang berada di Sabah khususnya yang tinggal di daerah-daerah seperti Ranau, Kota Belud, Tuaran, Kota Marudu dan Kota Kinabalu. Hal ini adalah demikian, kerana berdasarkan kepada Prof Dr Felix Tongkul, Pakar Geologi UMS, impak bencana atau pun gegaran itu akan lebih tertumpu ke arah Pantai Barat Sabah. Beberapa gempa susulan direkodkan selepas gempa pertama tetapi hanya dapat dirasai dengan lebih jelas oleh penduduk sekitar sahaja. Selepas siri gempa yang kecil itu, orang ramai sekali lagi dikejutkan oleh gempa kedua yang tidak kurang hebatnya. Ini adalah disebabkan ianya berlaku dibawah paras sedar kerana kebanyakan mereka yang mengalaminya terjaga dari buaian mimpi. Persoalannya, adakah gempa kedua ini memberi indikasi bahawa akan berlaku suatu susulan gempa yang lebih dasyat lagi dalam masa terdekat? Atau pun ianya menunjukkan bahawa gempa akan berakhir tidak lama lagi disebabkan oleh kekuatannya yang bersifat menurun? Berdasarkan kepada temubual-temubual yang dilakukan kepada pakar-pakar, kejadian gempa bumi adalah suatu yang sukar untuk diramal.

Berdasarkan fakta yang ada dan kerisauan yang dihadirkan oleh gempa, maka aspek trauma perlu dilihat sebagai suatu penyumbang kepada *stress disorder* yang boleh memberi kesan negatif kepada produktiviti dan keharmonian hidup. Bagi mengatasi masalah ini suatu mekanisme mengurangkan kesan negatif trauma perlu difikirkan. Prof Madya Dr Balan, Pensyarah UMS, menyebut dalam tulisannya mengenai *Post-Traumatic Stress Disorder* (PTSD) bahawa trauma terjadi kesan daripada pengalaman terdedah secara mengalami atau menyaksikan sendiri suatu peristiwa yang sangat meresahkan diri yang berlaku di masa lalu. Namun, dalam konteks bencana gempa, mekanisme atau pendekatan yang perlu dilakukan ialah bagaimana mengurus trauma yang berdasarkan kepada persepsi suatu perkara yang lebih dasyat akan berlaku pada masa hadapan dalam masa yang terdekat.

(Penulisan ini hanya merupakan pandangan peribadi penulis sahaja. jackarea69@gmail.com)

Fakta sejarah: Suatu kejadian gempa bumi pernah berlaku di Loma Prieta, California. Gempa bumi yang besar ini telah menggoncang Teluk San Francisco, California pada 17 Oktober 1989 pukul 5:04 petang. Gempa ini berlaku disebabkan pergeseran sesar San Andreas. Gempa berlangsung selama 15 saat dengan kekuatan 6.9 skala Richter. Seramai 63 orang terkorban, 3,757 mengalami kecederaan, dan 8,000 hingga 12,000 orang kehilangan tempat tinggal. Beberapa bulan sebelum itu, telah berlaku gempa yang dianggap kecil dengan kekuatan 4 dan 5 skala Richter.